



Tarikh: 15th Julai 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan / Puan,

PERTUKARAN TARIKH UNTUK PERTANDINGAN ROBOCON MALAYSIA JUNIOR

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dengan ini, dimaklumkan bahawa pertandingan ROBOCON Malaysia Junior anjuran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang ditangguhkan akibat penularan Covid-19 telah dijadualkan untuk dilangsungkan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 20 & 21 Februari 2021

Hari : Sabtu & Ahad

Masa : 8am – 5pm

Tempat : Wadi Budi, UIAM.

3. Sehubungan dengan itu, pihak Tuan/Puan dipohon untuk memaklumkan sekiranya masih berminat atau ingin menarik diri dari pertandingan ini dengan mengisi borang maklum-balas yang telah dihantar melalui e-mail oleh pihak UIAM. Borang maklum-balas ini hendaklah diisi sebelum atau pada 28 Ogos 2020.

4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pihak Tuan/Puan boleh menghubungi pihak UIAM melalui secretariat@roboconmalaysia.com. Kerjasama dan perhatian dari pihak Tuan/Puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Terima kasih.

Prof Madya Ts. Dr. Yasir Mohd Mustafah
Pengarah
ROBOCON MALAYSIA 2020



SIRIM
CERTIFIED TO MS ISO 9001
Registration No AR 3074

Garden of Knowledge and Virtue